

HADIS SAHIH, HADIS HASAN & HADIS DHOIF

GROUP 3 : Syafiqah, Ayuni, Ummi & Najihah

ASSALAMU ALAIKUM



HADIS SAHIH

Pengertian hadis sahih :

- Hadis yang diriwayatkan oleh rangkaian perawi hadis yang adil dan dabit (kekuatan hafazan dan tulisan) , bersambung sanad, tidak ada keganjilan dan tidak ada kecacatan.

Contoh hadis sahih :

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ جُبَيْرٍ، عَنْ أَبِيهِ رضي الله عنه، قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صلى الله عليه وسلم يَقْرَأُ فِي الْمَغْرِبِ بِالطُّورِ، وَذَلِكَ أَوَّلَ مَا وَقَّرَ الْإِيمَانَ فِي قَلْبِي.
(رواه البخاري)

ارتين: درفد محمد بن جبیر، درفد بافان رضي الله عنه، تله بركات: اكو تله مندغر النبي صلى الله عليه وسلم ممباح دالم صلاة مغرب سورة الطور، ايت اباله سورة فرتام يغ متفكن ايمان دالم هاتيكو.
(روایت البخاری)

Hadis Ghairihi

Pembahagian Hadis Sahih

Hadis Lizatihi

- Hadis hasan yang disokong oleh riwayat lain yang setaraf dengannya atau lebih kuat.
- Hadis ini asalnya hasan lizatihi tetapi telah diangkat kemartabat hadis sahih kerana faktor luaran iaitu yang wujud rakaian sanad yang ramai menampung kekurangan hafazan dan dabit perawinya.

- Hadis yang diriwayatkan oleh rangkaian oleh perawi yang adil dan dabit, nersambung sanad, tiada kecacatan dan tiada keganjilan.
- Ta'rif ini sama dengan ta'rif hadis sahih.

Syarat - Syarat Hadis Sahih


Sesuatu hadis tidak dikira sahih kecuali setelah melengkapai 5 kretiria berikut:

1. ADIL

Adil bermaksud seorang perawi hendaklah memenuhi 5 kreatiria iatu Islam, Baligh, Berakal, Tidak Fasik dan Tidak melakukan perkara yang menjatuhkan maruah dan menjejaskan akhlaknya.

2. TIDAK
ADA ILLAH

Tidak ada kecacatan yang menjejaskan kesihatan hadis.



3. Tidak ada syaz

Tidak ada percagahan antara perawi siqah dengan perawi yang lebih siqah.

4. Sanad bersambung

Setiap perawi haruslah menerima hadis dari orang sebelumnya secara lansung daripada awal sanad sehingga akhirnya. Sekiranya sanad terputus di mana - mana peringkat, maka hadis itu dikira tidak sah.

5. Dhobit

Sesuatu ketetapan pada seorang perawi iaitu tiada perubahan ingatan jika diriwayatkan melalui lisan dan tiada perubahan tulisan jika melalui penulisan.



Sifat Dhobit Terbahagi Kepada 2 iaitu :

Dhobit kitabi : Perawi hadis mampu menjaga tulisan dan catatan hadis yang diterima dengan baik tanpa berlaku kerosakkan pada tulisannya.

Dhobit hifzi : Perawi hadis mampu meriwayatkan hadis kepada sesiapa dan pada bila - bila masa yang diperlukan serta mengingati siapa setiap hadis ini diterima.



Hukum Beramal Dengan Hadis Sahih

1. Wajib beramal dengan hadis sahih secara sepakat.
2. Ia merupakan salah satu hujah dan sumber syariah yang sah yang tidak boleh bagi umat islam meninggalkannya atau tidak beramal dengannya.

Penghujahan Hadis Sahih

1. Hadis sahih dijadikan hujah dan dalil syara'.
2. Sesiapa yang mengingkari hadis sahih dihukum berdosa kerana ia menepati kesemua ciri - ciri utama dan syarat sah penerimaan sesebuah hadis.



HADIS HASAN

Pengertian: Hadith yang diriwayatkan oleh rangkaian perawi hadith yang adil, bersambung sanad, tidak ada ragu-ragu, tidak ada kecacatan tetapi kurang sempurna dari segi keganjilan

Contoh: Daripada Abi Bakr bin Abi Musa Al-Ash'ari telah berkata: Aku mendengar bapaku berkata di hadapan musuh dengan berkata: Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya pintu syurga berada di bawah bayangan padang..." (Riwayat Tarmizi)

Pembahagian Hadith Hasan

Hasan li Zatihi:

- ★ Hadith yang diriwayatkan oleh rangkaian perawi hadith yang adil, bersambung sanad, tidak ada ragu-ragu, tidak ada kecacatan tetapi kurang sempurna keganjilan
- ★ Ta'rif ini sama dengan hadith hasan

Hasan li Ghoirih:

- ★ Hadis yang pada asalnya dhoif, tetapi apabila ia diriwayatkan melalui jalan periwayatan yang baik, yang seumpamaan atau sokong oleh riwayat yang lebih kuat daripadanya sama ada dengan lafaz atau makna, maka ia akan naik taraf menjadi hadith Hasan Li Ghoirih dengan syarat kedhoifannya bersifat sederhana.



Syarat - syarat:

- ★ Perbezaan antara hadis sohih dengan hadis hasan ialah perawi hadith hasan dihukum kurang keganjilan (kurang ketepatan dan lemah ingatan) sahaja yang mengurangkan nilai dan martabat sesuatu hadith
- ★ Hadith hasan mesti diriwayatkan oleh perawi yang adil
- ★ Hadith hasan perlu menepati syarat-syarat pada sanadnya iaitu bersambung, tiada kecacatan dan tidak bercanggah dengan hadis yang diriwayatkan oleh perawi lain yang lebih tepat

Hukum beramal:

- ★ Hadith hasan boleh beramal dengannya sebagaimana para fuqahak menggunakan hadith hasan sebagai hujah dan beramal dengannya



فَحَجَّهِن **Hadis Hasan**

- ★ Hukum hadis hasan adalah seperti hadis sahih dari aspek penghajatnya, sekalipun darjatnya lebih rendah daripada hadis sahih
- ★ Justeru, hadis hasan dijadikan hujah dan dalil syara'. Namun begitu, hujah hadis hasan tidak dapat menandingi kekuatan hujah hadis sahih

HADIS DHOIF

Pengertian :

- Hadis yang tidak memenuhi satu atau lebih daripada syarat-syarat hadis maqbul (diterima) iaitu hadis sohih dan hadis hasan
- Mempunyai martabat yang berbeza, ada yang terlampau lemah dan sederhana lemah mengikut keadaan sanad dan matan.

Contoh hadis dhoif:



عَنْ سَلْمَانَ بْنِ عَامِرِ الضَّبِّي قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: (الصَّائِمُ فِي عِبَادَةٍ، وَإِنْ كَانَ رَاقِدًا عَلَى فِرَاشِهِ).

(رواه الديلمي)

ارتين: در قد سلمان بن عامر الضبِّي برکات، رسول الله ﷺ بر سبدا: اورغ یغ بر فواسا ایت تتف
دالم کاداعن بر عبادة سکالیقون دی تیدور دأتس همقرنش.

(روایت الديلمی)

1) Dhaif Pada Matan

- ❖ Berdasarkan kepada sebab wujudnya illah yang menyebabkan terjejas sesuatu hadis
- ❖ Contoh: hadis maqlub, hadis mudhtorib, hadis mudroj dan hadis mua'llal.

➤ المقلوب

- Ada pertukaran pada perkataan pada sanad atau matan

➤ المضطرب

- Diriwayatkan melalui banyak riwayat yang sama kuat tetapi bercanggah antara satu sama lain.

➤ المدرج

- Ada penambahan unsur luar pada sanad dan matan.

- المزيّد في متصل الأسانيد (al mazidu fi muttasili al asānid)
 - Berlaku pertambahan nama perawi dipertengahan sanad yang sememangnya bersambung
- المصحف/المحرف
 - Pertukaran kalimah kerana kesilapan membaca, menulis, mendengar dan sebagainya
- المعلل
 - Hadis yang mengandungi illah(cacat) tetapi tidak zahir

2) Dhaif Pada Sanad

- ❖ Terputus sanad sama ada sedikit atau banyak, sengaja atau tidak sengaja pada awal sanad, pertengahan atau akhir sanad, atau wujudnya illah yang menjejaskan hadis

➤ المعلق (almua'llaq)

- Sanad terputus diperingkat permulaan disebabkan gugurnya seorang perawi atau lebih.

➤ المعضل (almu'dhol)

- Gugurnya pada rangkaian sanad dua orang perawi berturut-turut atau lebih secara berturut

- المنقطع (almunqati')

 - Terputus sanad sahabat atau terputus sanad pada mana-mana bahagian.

- المرسل (almursal)

 - Terputus sanad sahabat

- المدلس (almudallas)
- Terdapat jenayah tadlis (pemalsuan) dalam perawitan.

Tindakan Untuk Menggunakan Hadis Sahih, Hadis Hasan dan Hadis Dhaif Sebagai Panduan dalam kehidupan

Sasaran	Hadis Sahih dan Hadis Hasan	Hadis Dhaif
Individu	Seorang murid hendaklah mempelajari hadis sahih dan hadis hasan agar pelaksanaan ibadah tepat menurut assunnah	Individu yang pintar akan menyelidik status hadis sebelum berhujah dan beramal
Masyarakat	Masyarakat Islam pada masa kini perlu sensitif terhadap isu hadis supaya mereka mengetahui dengan jelas kesahihan sesuatu hadis	Umat Islam sepatutnya memahami syarat-syarat tertentu sebelum menggunakan hadis dhaif dalam urusan agama
Kerajaan	Institusi agama negara perlu mendidik umat islam agar berpegang dengan dalil dalil yang sahih dan menjauhi dalil yang lemah	Hadis dhaif perlu diberi perhatian oleh institusi agama dalam negara dengan memberi kefahaman kepada masyarakat Islam

THANK YOU

